



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

**PENGUMUMAN RASMI**

**BILANGAN 4 TAHUN 2025**

**PEMAKLUMAN KELONGGARAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
DI PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH  
SELARAS KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
BERTARIKH 22 MEI 2025**

Assalamualaikum w.b.t dan selamat sejahtera,

Kepada semua pensyarah dan pelajar UMPSA.

2. Kenyataan Media yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bertarikh 22 Mei 2025 berkenaan Sidang Kemuncak Asean: KPT Beri Kemudahan PdP Secara Dalam Talian dirujuk.
3. Bersempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 yang akan berlangsung pada 26 hingga 28 Mei 2025 di Kuala Lumpur, KPT mengambil maklum akan pelaksanaan penutupan jalan dan kawalan keselamatan sepanjang penganjuran melibatkan kawasan di sekitar Lembah Klang (Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya). KPT akan memberikan kemudahan kepada Institusi Pendidikan Tinggi Awam/ Swasta (IPTA/ IPTS) untuk membuat pilihan menjalankan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian atau fizikal.
4. Berdasarkan semakan di peringkat UMPSA berkenaan lokasi, masa dan tarikh laluan yang ditutup sepanjang 26 hingga 28 Mei ini, didapati bahawa pensyarah dan pelajar UMPSA tidak terkesan dengan kesesakan aliran trafik tersebut. Oleh yang demikian, **tiada keperluan bagi PdP secara dalam talian bagi pensyarah dan pelajar UMPSA bagi tarikh 26 hingga 28 Mei 2025.**
5. Walaubagaimana pun, sekiranya terdapat segelintir pensyarah atau pelajar yang terkesan dengan penutupan jalan tersebut atau terlibat dengan beberapa program serta aktiviti sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46, boleh berhubung terus dengan pihak fakulti masing-masing bagi memohon kebenaran pelaksanaan PdP secara dalam talian. Namun, ia tertakluk kepada perbincangan dan persetujuan bersama antara pensyarah dan pelajar yang mempunyai kelas pada tarikh berkenaan.
6. Segala kerjasama yang diberikan oleh semua pensyarah dan pelajar dalam mengambil maklum dan perhatian berkaitan perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih

**Dikeluarkan oleh  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)  
23 Mei 2025**